

MODUL MATEMATIK

SEKOLAH RENDAH

(Soalan-soalan Kbat)

2014

BEST WESTERN Marina Island Resort Pangkor



Di sediakan oleh :

**RIDZUAN BIN SUKRI
ZULKIFLI BIN MAHFUZ
ROZANI BINTI KAMARUDIN
NURUL ASHIKIN BINTI HASHIM
ZAKARIA BIN ABD. RANI**

Soalan 1

Konstruk	:	Mengaplikasi
Konteks	:	Wang
Aras Kesukaran	:	Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada	:	Ukuran Standard

Rajah menunjukkan harga beli sebuah banglo.



Selepas dua tahun Michael menjual banglo ini kepada bank. Dia memperolehi keuntungan sebanyak 50%. Namun begitu dia perlu membayar caj perkhidmatan sebanyak 10% kepada bank. Berapa banyak wang yang dia dapat?

Jawapan : RM3.375 juta

Kaedah Penyelesaian :

Mengetahui hubungan 50% sebagai setengah daripada nilai banglo.

Maka nilai jual banglo bertambah sebanyak setengah kali ganda.

Selepas membayar caj perkhidmatan sebanyak 10%, maka wang yang diperolehinya hanyalah 90% sahaja.

$$\text{Pengiraan: Konsep } 50\% = \frac{50}{100} = \frac{1}{2}$$

$$\begin{aligned}\text{Harga jual : } 100\% + 50\% &= \text{RM2.5 juta} + \left(\frac{\text{RM2.5}}{2}\right) \text{ juta} \\ &= \text{RM2.5 juta} + \text{RM1.25 juta} \\ &= \text{RM3.75 juta}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Wang yang diperolehi} &= \text{Harga jualan banglo} - \text{bayaran caj perkhidmatan} \\ &= 100\% - 10\% \\ &= 90\%\end{aligned}$$

$$\frac{90}{100} \times \text{RM3.75 juta} = \text{RM337.5 juta}$$

Soalan 2

Konstruk : Mengaplikasi
Konteks : Masa dan Waktu
Aras Kesukaran : Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada : Ukuran Standard

Berikut ialah perbualan antara tiga orang jiran.

Haji Abu : Hari ini, umur saya 65 tahun.

Ah Ling : 26 hari lagi, umur saya adalah sama dengan umur kamu.

Raju : Oh, Hari ini ialah 6 Mac 2014!

Berdasarkan perbualan itu, bilakah tarikh lahir Ah Ling?

Jawapan : 1 April 1949

Kaedah Penyelesaian :

Untuk menentukan hari lahir :

Bilangan 26 hari dikira bermula pada 7 hb Mac.

Selepas ditambah 26 hari, bilangan hari menjadi 32 hari.

Bulan Mac hanya mempunyai 31 hari, oleh itu hari ke 32 adalah pada 1 April.

Untuk menentukan tahun lahir :

$$2014 - 65 = 1949$$

Soalan 3

Konstruk : Mengaplikasi
 Konteks : Wang
 Aras Kesukaran : Tinggi
 Pengetahuan Sedia Ada : Ukuran Standard

Jadual menunjukkan caj bayaran wad di sebuah hospital.

<i>Tempoh</i>	<i>Caj Bayaran Wad</i>
1 jam	RM250

Rajan dimasukkan ke hospital jam 0030 pada hari Isnin dan dibenarkan pulang jam 1300 pada hari yang sama.

Berapakah jumlah wang yang perlu dibayar oleh Rajan?

Jawapan : RM3 125

Kaedah Penyelesaian :

1 hari = 24 jam iaitu antara Jam 0000 hingga Jam 2359 @ Jam 2400

Jam 0030 hingga Jam 1300 adalah berlaku pada hari yang sama.
 Oleh itu tempoh masa Rajan berada dalam wad ialah

$$\begin{array}{r|l}
 \text{J} & \text{M} \\
 \hline
 12 & 60 \\
 \cancel{13} & 00 \\
 - & 00 \quad 30 \\
 \hline
 12 & 30
 \end{array}
 = 12 \text{ jam } 30 \text{ minit}$$

Jumlah wang yang perlu dibayar oleh Rajan

$$\begin{aligned}
 &= (\text{RM}250 \times 10 \text{ jam}) + (\text{RM}250 \times 2 \text{ jam}) + (\text{RM}250 \times \frac{1}{2} \text{ jam}) \\
 &= \text{RM}2500 + \text{RM}500 + \text{RM}125 \\
 &= \text{RM}3125
 \end{aligned}$$





Soalan 4

Konstruk : Menganalisis
 Konteks : Wang
 Aras Kesukaran : Tinggi
 Pengetahuan Sedia Ada : Ukuran Standard

Jadual menunjukkan nilai wang dan bilangannya.

<i>Nilai</i>	<i>Bilangan</i>
RM50	13
RM20	11
RM10	11
RM5	6
50 sen	8

Antara rajah berikut yang manakah menunjukkan nilai yang sama jumlahnya dengan Jadual 3?

- A  *Perjalanan ke Pulau Besar* RM1 590 *Diskaun 20%*
- B  *Perjalanan ke Pulau Kapas* RM1 780 *Diskaun 30%*
- C  *Perjalanan ke Pulau Pangkor* RM1 690 *Diskaun 40%*
- D  *Perjalanan ke Pulau Redang* RM1 625 *Diskaun 40%*

Jawapan : C

Kaedah Penyelesaian :

Kira jumlah wang yang ada

$$\begin{aligned}
 &= (\text{RM}50 \times 13) + (\text{RM}20 \times 11) + (\text{RM}10 \times 11) + (\text{RM}5 \times 6) + (50 \text{ sen} \times 8) \\
 &= \text{RM}650 + \text{RM}220 + \text{RM}110 + \text{RM}30 + \text{RM}4 \\
 &= \text{RM}1\ 014
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Pengiraan bagi jawapan C} &= \text{RM} 1690 - \left[\text{RM}1690 \times \frac{40}{100} \right] \quad \text{atau} \quad \text{RM}1690 \times \frac{60}{100} \\
 &= \text{RM} 1\ 690 - \text{RM}676 \qquad \qquad \qquad = \text{RM}1014
 \end{aligned}$$

Soalan 5

Konstruk : Menganalisis
Konteks : Wang
Aras Kesukaran : Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada : Ukuran Standard

Rajah menunjukkan harga bagi empat menu makanan.



50 orang pelanggan berada dalam sebuah restoran. $\frac{1}{5}$ daripada bilangan pelanggan itu makan Nasi Kambing Arab. $\frac{1}{4}$ daripada baki pelanggan makan Nasi Ikan Bawal. 12 orang pelanggan makan Nasi Burung Puyuh. Bakinya makan Nasi Ayam Kampung. Berapakah jumlah bayaran yang diterima oleh pemilik restoran itu daripada 50 pelanggan itu?

Jawapan: RM645.60

Kaedah Penyelesaian :

$$\frac{1}{5} \times 50 \text{ orang pelanggan} = 10 \text{ orang pelanggan} \times \text{RM}18.75 = \text{RM}187.50$$

$$\begin{aligned} \frac{1}{4} \times (50 - 10) \text{ orang pelanggan} &= \frac{1}{4} \times 40 \text{ orang pelanggan} \\ &= 10 \text{ orang pelanggan} \times \text{RM}10.65 \\ &= \text{RM}106.50 \end{aligned}$$

$$12 \text{ orang pelanggan} \times \text{RM}9.95 = \text{RM}119.40$$

$$\text{Baki pelanggan} = 50 - 10 - 10 - 12 = 18 \text{ orang}$$

$$18 \text{ orang pelanggan} \times \text{RM}12.90 = \text{RM}232.20$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah bayaran yang diterima} &= \text{RM}187.50 + \text{RM}106.50 + \text{RM}119.40 + \text{RM}232.20 \\ &= \text{RM}645.60 \end{aligned}$$

Soalan 6

Konstruk	:	Memahami
Konteks	:	Pecahan
Aras Kesukaran	:	Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada	:	Ukuran Standard

Jonny makan 1 bahagian daripada 8 bahagian Pizza Ayam. Razif makan 3 bahagian daripada 8 bahagian Pizza Daging.

Hitungkan peratus bahagian pizza yang tidak dimakan.

Jawapan : 150%

Kaedah Penyelesaian :

Sekeping pizza = 8 bahagian

Bahagian yang dimakan :

Pizza Ayam = $\frac{1}{8}$ bahagian dan Pizza Daging = $\frac{3}{8}$ bahagian

Baki yang belum dimakan:

$$\text{Pizza Ayam} = 1 - \frac{1}{8} = \frac{8}{8} - \frac{1}{8} = \frac{7}{8}$$

$$\text{Pizza Daging} = 1 - \frac{3}{8} = \frac{8}{8} - \frac{3}{8} = \frac{5}{8}$$

$$\text{Jumlah baki yang belum dimakan} = \frac{7}{8} + \frac{5}{8} = \frac{12}{8}$$





Peratus bahagian yang tidak dimakan

$$\frac{12}{8} \times 100\% = 150\%$$

Soalan 7

Konstruk : Mengaplikasi
 Konteks : Timbangan Berat
 Aras Kesukaran : Tinggi
 Pengetahuan Sedia Ada : Ukuran Standard

Rajah menunjukkan jisim dan peratus penurunan bagi 4 orang.

	Adly	Andi	Aizat	Amri
				
	115 kg	120 kg	130 kg	150 kg
Reduced Percentage Peratus penurunan	10%	15%	20%	25%

Berat ideal yang ditentukan ialah 90kg.

Di antara 4 orang di atas, siapakah yang perlu menurunkan lagi jisim badannya dengan paling minimum untuk mencapai berat badan ideal?

Jawapan: Andi

Kaedah Penyelesaian :

Selepas penurunan, setiap orang mempunyai berat badan berikut.

$$\text{Adly} : \frac{90}{100} \times 115\text{kg} = 103.50 \text{ kg}$$

$$\text{Andi} : \frac{85}{100} \times 120\text{kg} = 102 \text{ kg}$$

$$\text{Aizat} : \frac{80}{100} \times 130\text{kg} = 104 \text{ kg}$$

$$\text{Amri} : \frac{75}{100} \times 150\text{kg} = 112.50 \text{ kg}$$

Untuk mencapai berat badan ideal 90 kg, mereka perlu menurunkan lagi sebanyak

$$\text{Adly} : 103.50 \text{ kg} - 90 \text{ kg} = 13.50 \text{ kg}$$

$$\text{Andi} : 102 \text{ kg} - 90 \text{ kg} = 12 \text{ kg}$$

$$\text{Aizat} : 104 \text{ kg} - 90 \text{ kg} = 14 \text{ kg}$$

$$\text{Amri} : 112.50 \text{ kg} - 90 \text{ kg} = 22.50 \text{ kg}$$

Jisim yang paling minimum yang diperlukan lagi untuk menurunkan berat badan ialah 12 kg aitu Andi.

Soalan 8

Konstruk	:	Mengaplikasi
Konteks	:	Panjang
Aras Kesukaran	:	Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada	:	Ukuran Standard

Rajah menunjukkan harga bagi satu meter untuk empat jenis kain.

RM29.50 satu meter

RM45.80 satu meter

RM32.60 satu meter

RM28.10 satu meter



Chiffon



Lace



Sutera



Cotton

Setiap pembelian melebihi jumlah RM500 akan mendapat baucer sebanyak RM50. Puan Hadijah membeli 4 meter setiap jenis kain dengan membayar secara tunai. Selepas itu dia membeli lagi kain dari jenis yang sama dengan membayar menggunakan baucer yang didapatinya. Berapa m kain dan apakah jenis kain yang dapat dibeli oleh Puan Hadijah?

Jawapan: $1\frac{1}{2}$ m kain sutera.

Kaedah Penyelesaian :

Jumlah harga setiap kain :

$$\begin{aligned} &= (\text{RM}29.50 \times 4) + (\text{RM}45.80 \times 4) + (\text{RM}32.60 \times 4) + (\text{RM}28.10 \times 4) \\ &= \text{RM}118.00 + \text{RM}183.20 + \text{RM}130.40 + \text{RM}112.40 \\ &= \text{R}544.00 \end{aligned}$$

Baucer yang diterima : Setiap pembelian RM500 = nilai baucer RM50

Jumlah dibayar RM544, jadi nilai baucer diterima adalah RM50

Rasional :

$$\text{Kain chiffon} : 1\frac{3}{5} \text{ m} \times \text{RM}29.50 = \text{RM}47.20 \text{ (kurang RM}2.80 \text{ daripada nilai baucer)}$$

$$\text{Kain lace} : 1 \text{ m} \times \text{RM}45.80 = \text{RM}45.80 \text{ (kurang RM}4.20 \text{ daripada nilai baucer)}$$

$$\text{Kain sutera} : 1\frac{1}{2} \text{ m} \times \text{RM}32.50 = \text{RM}48.90 \text{ (kurang RM}1.10 \text{ daripada nilai baucer)}$$

$$\text{Kain cotton} : 1\frac{7}{10} \text{ m} \times \text{RM}28.10 = \text{RM}47.80 \text{ (kurang RM}2.20 \text{ daripada nilai baucer)}$$



Panjang kain dan jenis kain yang paling sesuai dengan nilai baucer ialah

kain sutera dengan panjangnya $1\frac{1}{2}$ m.

Soalan 9

Konstruk	:	Mengaplikasi
Konteks	:	Perwakilan Data
Aras Kesukaran	:	Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada	:	Ukuran Standard

Piktograf di bawah menunjukkan jualan kasut di sebuah kedai kasut dalam masa 4 hari.

Isnin	
Selasa	
Rabu	
Khamis	

Jumlah jualan kasut untuk 4 hari itu ialah 1 250 pasang. Bilangan jualan kasut pada hari Selasa dan Khamis adalah $\frac{2}{5}$ daripada jumlah jualan kasut untuk 4 hari itu. Bilangan jualan kasut pada hari Khamis adalah 100 pasang kasut lebih daripada jualan kasut pada hari Selasa. Berapakah simbol yang mewakili jualan pada hari Selasa?

Jawapan: 4 simbol

Kaedah Penyelesaian :

Jualan kasut hari Selasa dan Khamis = $\frac{2}{5}$ daripada jumlah jualan kasut untuk 4 hari itu

Jadi, jualan kasut hari Isnin dan Rabu = $\frac{3}{5}$ daripada jumlah jualan kasut untuk 4 hari itu
 $= \frac{3}{5} \times 1\,250$
 $= 750$ pasang kasut

15 simbol = 750 pasang kasut

1 simbol = $\frac{750}{15} = 50$ pasang kasut

Jumlah jualan kasut hari Selasa dan Khamis = $1\,250 - 750 = 500$

Hari Khamis lebih 100 pasang daripada hari Selasa = $500 - 100 = 400$ pasang kasut

Jadi, jualan kasut hari Selasa = $400 \div 2 = 200$

1 simbol = 50 pasang, jadi simbol pada hari Selasa = $\frac{200}{50} = 4$ simbol

Soalan 10

Konstruk	:	Memahami
Konteks	:	Perpuluhan
Aras Kesukaran	:	Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada	:	Ukuran Standard

Diberi, $0.12 = \frac{144}{1200}$

Cari nilai P, jika $P = \frac{336}{1200}$

Nyatakan jawapan dalam perpuluhan.

Jawapan: 0.28

Kaedah Penyelesaian :

$$0.12 = \frac{144}{1200} \text{ dimana } 0.12 = \frac{12}{100} = \frac{3}{25}$$

$$\text{Jadi } \frac{3}{25} = \frac{144}{1200}$$

$$\text{Bila } P = \frac{336}{1200} = \frac{336 \div 12}{1200 \div 12} = \frac{28}{100} = 0.28$$

Soalan 11

Konstruk	:	
Konteks	:	Ukuran Panjang
Aras kesukaran	:	Sederhana
Pengetahuan Sedia Ada	:	Pertukaran unit

Baca dialog bawah.

Cik gu : 1 m sama dengan 100 cm.
Jauhari : Setengah meter sama dengan berapa cikgu ?
Cik gu : 50 cm lah Jauhari.

Cikgu Riduan memberi sehelai reben sepanjang 80 cm kepada Jauhari. Jauhari diarahkan oleh gurunya agar menggunakan 0.5 daripada reben itu untuk mengikat satu hadiah.

Cik gu memberi lagi 7 helai reben yang sama untuk mengikat 7 kotak hadiah yang sama.

Hitung baki, dalam cm, panjang reben itu.

Kaedah Penyelesaian :

Mengetahui hubungan 0.5 sebagai $\frac{5}{10}$ atau separuh daripada panjang reben untuk mengikat sebuah hadiah.

Perlu cari jumlah reben untuk mengikat 7 buah hadiah.

Murid perlu cari jumlah sebenar reben yang diberi oleh cik gu Riduan bagi 7 buah hadiah.

Pengiraan : Konsep 0.5 = $\frac{5}{10} = \frac{1}{2}$ atau separuh

$$\text{Panjang jumlah reben asal} = 80 \text{ cm} \times 7 = 560 \text{ cm}$$

$$\text{Panjang reben diguna untuk sebuah hadiah} = \frac{1}{2} \times 80 = 40 \text{ cm}$$

$$\text{Panjang jumlah reben diguna untuk 7 hadiah} = 40 \times 7 = 280 \text{ cm}$$

$$\text{Baki} = \text{Panjang reben asal} - \text{Panjang reben diguna}$$

$$= 560 \text{ cm} - 280 \text{ cm} = \underline{\underline{280 \text{ cm}}}$$

Soalan 12

Konstruk	:	Mengaplikasi
Konteks	:	Wang
Aras kesukaran	:	Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada	:	Nilai pecahan

Dalam satu Ekspo yang dianjurkan oleh MAYC Kuala Langat, berbagai aktiviti telah dipertandingkan untuk semua peringkat umur. Bagi pelajar sekolah rendah, acara yang dipertandingkan ialah Kuiz Matematik. Hadiah yang ditawarkan amat lumayan.

JUMLAH HADIAH YANG DISEDIAKAN IALAH SEBANYAK RM630.

Pemenang tempat ketiga menerima hadiah wang tunai separuh daripada hadiah pemenang tempat kedua !!!

Pemenang tempat kedua menerima hadiah wang tunai separuh daripada hadiah pemenang tempat pertama !!!

Hitung jumlah hadiah yang bakal diterima oleh johan kuiz itu.

Kaedah Penyelesaian :

Mengetahui hubungan separuh daripada hadiah setiap pemenang .


Perlu cari bilangan pecahan .


Tempat ketiga = separuh daripada ke 2

Tempat kedua = separuh daripada johan

Johan = ?

Pengiraan : Pertama = ? \longrightarrow 1

Kedua = $\frac{1}{2}$ x nombor 1 = 

Ketiga = $\frac{1}{2}$ x nombor 2 = $\frac{1}{2}$ x $\frac{1}{2}$ = $\frac{1}{4}$ 

Jumlah keseluruhan 7 bahagian.

Nilai satu bahagian = $\text{RM } 630 \div 7 = \text{RM } 90$

Ketiga = $\text{RM } 90$

Kedua = $\text{RM } 90 \times 2 = \text{RM } 180$

Johan = $\text{RM } 180 \times 2 = \underline{\underline{\text{RM } 360}}$

Soalan 13

Konstruk : Mengaplikasi
Konteks : Ukuran Panjang
Aras kesukaran : Sederhana
Pengetahuan Sedia Ada :

Danish naik dari tingkat 1 ke tingkat 6.
Kemudian dia turun ke tingkat 3. Dia naik semula ke tingkat 5.
Selepas itu dia turun ke tingkat 2

Jarak antara satu tingkat ke satu tingkat ialah 6 m.

Hitung jarak, dalam m, yang dia lalui.

Kaedah Penyelesaian :

Mengetahui hubungan antara bilangan tingkat dengan jarak setiap tingkat .
Perlu cari bilangan tingkat .


Pengiraan :

Langkah 1	= Dari tingkat 1 ke tingkat 6	= 5 tingkat
Langkah 2	= Dari tingkat 6 turun ke tingkat 3	= 3 tingkat
Langkah 3	= Dari tingkat 3 ke tingkat 5	= 2 tingkat
Langkah 4	= Dari tingkat 5 turun ke tingkat 2	= 3 tingkat
Jumlah tingkat		= 13 tingkat
Jarak 1 tingkat	= 6 m	
Jarak 13 tingkat	= 13 x 6	= 78 m

Soalan 14

Konstruk : Memahami
Konteks : Bentuk dan Ruang
Aras kesukaran : Sederhana
Pengetahuan Sedia Ada : Rumus luas segitiga

Rajah 16 menunjukkan gabungan segi empat sama PQRS dengan segi tiga RTU.
Diberi $ST = TR = TU$.



Hitung luas, dalam cm^2 , bagi kawasan berlorek tersebut.

Kaedah Penyelesaian :

Mengetahui ukuran / panjang sisi segiempat sama .
Perlu cari panjang dan lebar kawasan berlorek .

Pengiraan : Langkah 1 = Cari panjang $TR = UT = 16 \div 2 = 8 \text{ cm}$

Langkah 2 = Luas segitiga $= \frac{1}{2} \times 8 \times 8 = \underline{\underline{32 \text{ cm}^2}}$

Soalan 15

Konstruk	:	Mengaplikasi
Konteks	:	Jisim
Aras kesukaran	:	Sederhana
Pengetahuan Sedia Ada	:	Pecahan dan peratus

Seorang penjual buah mempunyai 150 kg langsung. 10% daripada langsung tersebut telah rosak.

Dia menjual $\frac{3}{4}$ daripada baki langsung itu.

Hitung jisim, dalam kg, langsung yang belum dijual.

Kaedah Penyelesaian :

Mengetahui mencari nilai dalam peratus.

Tahu mencari nilai dalam pecahan.

Pengiraan : Langkah 1 = Cari baki buah yang elok

$$= \frac{90}{100} \times 160 = 144$$

Langkah 2 = Cari baki buah yang tidak dijual

2



$$= \frac{4}{4} - \frac{3}{4} = \frac{1}{4}$$

$$= \frac{1}{4} \times 144 = \underline{\underline{36}}$$

Soalan 16

Konstruk : Mengaplikasi
Konteks : Wang
Aras Kesukaran : Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada : Operasi asas

Rajah menunjukkan kombinasi harga baju dan topi.

	RM60
	RM45

Berapa harga bagi sehelai baju dan sebuah topi.

Kaedah penyelesaian :

Menghubungkan kuantiti barang dengan harga. 2 helai baju dan sebuah topi berharga RM 45.

Langkah pengiraan :

$$2 \text{ baju} + 1 \text{ topi} = \text{RM } 60$$

$$2 \text{ topi} + 1 \text{ baju} = \text{RM } 45$$

$$1 \text{ topi} = \text{RM } 60 - 2 \text{ baju}$$

$$[(\text{RM } 60 \times 2) - (2 \times 2) \text{ baju}] + 1 \text{ baju} = \text{RM } 45$$

$$\text{RM } 120 - 4 \text{ baju} + 1 \text{ baju} = \text{RM } 45$$

$$\text{RM } 120 - \text{RM } 45 = 3 \text{ baju}$$

$$\text{RM } 75 = 3 \text{ baju}$$


$$1 \text{ baju} = \text{RM } 25$$

Jika 1 baju = RM 25, maka topi RM 10

Soalan 17

Konstruk : Mengaplikasi
Konteks : Isipadu Cecair
Aras Kesukaran : Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada : Mendarab pecahan

Rajah menunjukkan kandungan air di dalam sebuah bekas selepas 2 hari digunakan.



Air yang masih tinggal dalam bekas itu hanyalah 625 ml .

Hitungkan $\frac{1}{2}$ daripada isipadu asal, dalam ml, air dalam bekas itu.

Kaedah penyelesaian:

Langkah 1 : Cari kandungan asal dalam bekas

$$\begin{aligned} &= \frac{5}{8} \times \square = 625 \\ &= 625 \times \frac{8}{5} \\ &= 1\ 000 \end{aligned}$$

Langkah 2 : Cari $\frac{1}{2}$ daripada isipadu asal


$$= \frac{1}{2} \times 1\ 000$$

$$= 500 \text{ ml}$$

Soalan 18

Konstruk : Mengaplikasi
Konteks : Isipadu cecair
Aras Kesukaran : Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada : Pecahan

Rajah di bawah menunjukkan kandungan air dalam bekas T.



Air dalam bekas T hendak dimasukkan ke dalam tiga buah bekas iaitu E, F dan G.

Bekas F diisi $\frac{2}{5}$ daripada air dalam bekas T. Baki air yang masih ada dalam bekas T dimasukkan

200 ml lebih banyak ke dalam bekas G berbanding air yang dimasukkan ke dalam bekas E.

Hitung jumlah air, dalam ml, dalam bekas E dan F.

Kaedah Penyelesaian:

1. Cari isipadu bekas F $= \frac{2}{5} \times 1400 = 560$ ml
2. Cari baki $= 1400 - 560 = 840$ ml
3. Bekas E dan G $= 840$ ml
G lebih 200 ml $= 840 - 200 = 640$ ml
E $= \frac{640}{2} = 320$ ml
4. Jumlah E + F $= 320 + 560 = 880$ ml

Soalan 19

Konstruk : Mengaplikasi
Konteks : Masa
Aras Kesukaran : Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada : Operasi asas dalam masa

Razmin bangun 20 minit lebih awal daripada biasa. Oleh kerana dia bangun awal, tempoh masa yang diambil untuk bersiap diri ke sekolah telah dilambatkan selama 6 minit. Selalunya dia tiba di sekolah tepat pada pukul 7.05 a.m.

Manjit bangun 10 minit lewat daripada biasa. Selalunya dia tiba di sekolah 18 minit lebih awal daripada Razmin.

Hitung beza masa waktu tiba di sekolah antara Razmin dan Manjit pada hari itu.

Kaedah penyelesaian:

1. Masa Manjit

$$\begin{array}{r|l} 7 & 05 \\ \hline 6 & 47 \end{array} = 6.47 \text{ a.m}$$

Terlewat 10 min

$$\begin{array}{r|l} 6 & 47 \\ \hline 6 & 57 \end{array} = 6.57 \text{ a.m}$$

2. Masa Razmin

$$\begin{array}{r|l} 7 & 05 \\ \hline 6 & 51 \end{array} \rightarrow \text{Perbezaan waktu terbangun awal tetapi lewat bersiap (} 20 - 6 = 14)$$

3. Perbezaan masa

$$\begin{array}{r|l} 6 & 57 \text{ (Manjit)} \\ \hline 6 & 51 \text{ (Razmin)} \\ \hline & 6 = 6 \text{ minit} \end{array}$$

Soalan 20

Konstruk : Mengaplikasi
Konteks : Masa
Aras Kesukaran : Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada : Perbandingan

Tiga orang tukang jahit boleh menyiapkan lapan pasang baju melayu dalam tempoh empat jam.
Berapa orang tukang jahit diperlukan bagi menyiapkan 16 pasang baju melayu dalam tempoh 2 jam.

Langkah penyelesaian:

<u>Tukang Jahit</u>	<u>Baju Melayu</u>	<u>Tempoh</u>
3 orang	8 pasang	4 jam
3 orang x 4	4 pasang x 4	2 jam

= 12 orang	= 16 pasang	= 2 jam
------------	-------------	---------

Soalan 21

Konstruk : Mengaplikasi
Konteks : Pecahan
Aras Kesukaran : Tinggi
Pengetahuan Sedia Ada : Bahagi

Azmir mengadakan majlis hari jadi. Dia menjemput 9 orang sahabat baiknya. Ibunya membuat tujuh biji kek untuk majlis tersebut. Bagaimanakah tujuh biji kek dibahagi sama rata kepada 10 orang murid di mana setiap murid mendapat 2 keping setiap orang.



Bagaimanakah tujuh biji kek tersebut dibahagi sama rata antara Azmir dan 9 orang rakannya di mana setiap orang mendapat 2 keping kek.
Cuba selesaikan.